

08 AUG 1997

PROMTO AKAN BINA PUSAT PERANGINAN KESIHATAN MENYELURUH DI LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Pulau peranginan Langkawi tidak lama lagi akan mempunyai pusat peranginan kesihatan menyeluruhnya sendiri yang diilhamkan oleh Promto Bhd, di atas tapak 40 hektar, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid berkata di sini hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberikan restu dan bahawa kerajaan negeri akan memberikan sokongan sepenuhnya bagi projek itu yang dilaksanakan sepenuhnya oleh sektor swasta.

Beliau berkata projek itu dianggarkan menelan belanja RM200 juta dan akan beroperasi dalam masa dua tahun.

Sanusi bercakap kepada pemberita selepas upacara menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Promto, International Healthcare Group for Rehabilitation (IHGFR) dari Jerman, dan Langkawi Healthcare Sdn Bhd.

MoU itu menandakan permulaan usaha sama pihak-pihak berkenaan untuk menjalankan kajian kemungkinan projek yang akan termasuk penduduk dan analisis pendapatan per kapita, perangkaan mengenai pelancong masuk dan tempoh mereka berada di Malaysia dan bilangan hotel dan pusat peranginan terkemuka di Malaysia dan kadar penginapan mereka.

Apabila beroperasi sepenuhnya, projek itu akan menambah kepada senarai tarikan pelancong yang meningkat di Langkawi, kata Sanusi.

Pusat peranginan kesihatan menyeluruh itu akan menggunakan konsep pulau pemulihan semula jadi Jerman, yang dimajukan oleh ahli ekonomi Wolfgang Schmidt pada 1996 yang menggabungkan perubatan berteknologi tinggi, perubatan pemulihan pesakit luar bersama dengan teknik meditasi, penyembuhan spiritual, ubat herba dan masakan semula jadi.

Pengerusi Promto Datuk Hanafi Ramli berkata projek itu akan dilaksanakan melalui usaha sama yang akan ditubuhkan di antara ketiga-tiga pihak dengan pihak-pihak Malaysia memegang kepentingan majoriti.

Struktur ekuiti muktamad belum lagi dibereskan, tambahnya.

Bagi Promto, kata Sanusi syarikat itu mungkin perlu memperolehi modal melalui terbitan hak, terbitan bon atau pinjaman bank.

Beliau berkata usaha sama itu menganggarkan pulangan ke atas pelaburan dalam masa enam hingga tujuh tahun.

Promto adalah syarikat tersenarai di papan kedua dengan aktiviti utama dalam pembuatan dan perniagaan pemasangan elektrik, paip plastik, konkrit tetulang, tiang dan jeriji konkrit.

Schmidt adalah ketua pegawai eksekutif IHGFR sekarang dan terbabit dalam mengendalikan dan membangunkan pusat pesakit luar 100,000 meter persegi untuk dua juta pesakit dan pelawat di Jerman.

Beliau juga terbabit dalam memodenkan 49 spa dengan 106 hospital pemulihan untuk kementairan kesihatan Jerman. Pengalaman beliau dalam terapi semula jadi termasuk membangunkan ubat tradisional Cina dengan University of Beijing, China dan University of Essen, Jerman. -- BERNAMA

JR OS/sia